



**SULTAN IBRAHIM SULTAN ISKANDAR dan Raja Zarith Sofiah Sultan Idris Shah dengan diiringi Mohamed Khaled Nordin (kiri) berangkat ke majlis jamuan negeri bersempena Istiadat Kemahkotaan di Pusat Konvensyen Antarabangsa Persada Johor, Johor Bahru, malam kelmarin. - UTUSAN/RAJA JAAFAR ALI**

## Sultan Johor berkenan hadiri majlis jamuan negeri

**JOHOR BAHRU 1 April** - Sultan Johor, Sultan Ibrahim Sultan Iskandar berkenan berangkat menghadiri majlis jamuan negeri bersempena Istiadat Kemahkotaan di Pusat Konvensyen Antarabangsa Persada Johor di sini malam semalam.

Berangkat sama ke majlis berkenaan ialah Permaisuri Johor, Raja Zarith Sofiah Sultan Idris Shah; bonda Sultan Ibrahim, Enche' Besar Hajah Khalsom Abdullah, para anakanda dan kerabat diraja yang lain.

Yang turut hadir Menteri Besar, Datuk Seri Mohamed Khaled Nordin dan isteri, Datin Seri Rosni Omar, barisan Exco kerajaan negeri

Johor dan ketua-ketua jabatan.

Hadir sama Setiausaha Kerajaan Negeri, Datuk Ismail Karim; Mufti Johor, Datuk Mohd. Tahrir Sam-sudin dan Penasihat Majlis Agama Islam Johor (MAINJ), Datuk Nooh Gadot.

Sementara itu, Mohamed Khaled dalam ucapannya berkata, kerajaan negeri beriltizam untuk memastikan Johor terus membangun dan maju menjadi negeri terbaik di negara ini.

"Sehubungan itu, jentera pentadbiran negeri akan terus berusaha menyusun strategi bagi memastikan hasrat berkenaan tercapai.

"Usaha ke arah itu sudah pun

dimulakan seawal pembentangan Bajet Johor 2015 tahun lalu. Intipatinya mudah, setiap masyarakat juga punyai tanggungjawab yang perlu digalas di negeri ini," katanya.

Pada majlis sama, Mohamed Khaled turut mengambil kesempatan mengucapkan penghargaan dan tahniah kepada semua pihak yang terlibat dalam Istiadat Kemahkotaan Sultan Johor pada 23 Mac lalu.

Majlis yang dihadiri lebih 1,200 tetamu itu turut diserikan dengan nyanyian beberapa artis ternama antaranya Datuk Siti Nurhaliza, Syura dan Haziq AF yang diiringi orkestra Yayasan Warisan Johor.